

19/01/2002

PM kagum sambutan pelajar UPM

Mohd Feroz Abu Bakar

SAMBUTAN meriah kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Universiti Putra Malaysia (UPM) Rabu lalu, sekali gus melenyapkan dakwaan pihak yang melabelkan universiti itu dikuasai kepemimpinan pelajar yang antikerajaan atau propembangkang.

Malahan Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Dengan Warga UPM itu, berlangsung dalam suasana penuh kemesraan, lebih-lebih lagi apabila sebahagian besar daripada 5,000 warga UPM, yang menunggu ketibaan beliau sejak awal, mengambil kesempatan bersalaman dengannya.

Bukti sokongan warga UPM kepada kepemimpinan Perdana Menteri diperkuatkan lagi dengan penyerahan surat akujanji kakitangan akademik dan sokongannya, sebagai simbolik sokongan mereka kepada kerajaan.

Bagi pihak pelajar pula, 36 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diketuai Yang Dipertuanya, Mohd Nasir Othman, malafazkan ikrar mendukung usaha dan cita-cita kerajaan dalam membangunkan negara.

"Dengan sambutan hangat daripada pelajar di sini dan bacaan ikrar, saya percaya tiada pelajar UPM yang berniat untuk menentang kerajaan," kata Perdana Menteri ketika berucap di majlis itu Rabu lalu, di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Perdana Menteri kagum dan bangga dengan sikap positif serta sokongan yang ditunjukkan oleh warga UPM itu, kerana sebelum ini, pada pilihan raya kampus sesi 2001/2002 yang dilangsungkan serentak pada 26 November lalu, UPM dilabel sebagai salah satu IPTA yang dikatakan dimenangi sebahagian besar calon yang propembangkang.

Sambutan hangat pada majlis itu berlangsung tanpa sebarang perbuatan negatif yang tidak diingini, dan ia membuktikan pelajar UPM tidak bersikap menentang kerajaan.

Perdana Menteri sempat menasihati pelajar IPTA khususnya Bumiputera supaya berusaha dengan lebih gigih kerana penguasaan ilmu akan memastikan kecemerlangan mereka pada masa depan.

Beliau bagaimanapun percaya, masih ada segelintir pelajar IPTA yang sering mengecam kerajaan, berkata tindakan itu tidak sepatutnya berlaku kerana peranan utama pelajar di universiti ialah menuntut ilmu dengan sebaik mungkin.

Beliau berkata, pelajar Bumiputera sama ada Melayu, Iban, Kadazan dan Bumiputera lain, bukan hanya perlu memikul tanggungjawab menjadi individu berguna, tetapi perlu memikirkan kelangsungan Bumiputera dalam persaingan dengan bukan Bumiputera di negara ini.

"Lawatan saya ke UPM hari ini dan ke UiTM (Universiti Teknologi Mara) sebelum ini menunjukkan bilangan pelajar wanita jauh melebihi pelajar lelaki dan saya diberitahu oleh Naib Canselor, pelajar wanita memang lebih tekun sejak di peringkat sekolah.

"Namun, negara kita memerlukan tenaga kerja dalam pelbagai bidang dan pemimpin organisasi yang cemerlang sama ada lelaki atau wanita kerana generasi muda hari ini perlu meneruskan pembangunan negara pada masa depan.

"Tetapi, pencapaian kebanyakan pelajar Bumiputera dalam pendidikan tinggi sekarang pada tahap rendah atau sederhana kerana sikap mereka yang tidak bersungguh-sungguh dalam mengejar ilmu.

"Keadaan ini amat mengecewakan kerana penguasaan ilmu tinggi yang terbatas akan menghadkan persaingan Bumiputera mendapatkan kekayaan negara pada masa depan.

"Jika pelajar Melayu berterusan dengan sikap begini, negara kita tidak akan dapat mencapai keseimbangan kaum dari segi pembahagian kekayaan negara," katanya.

Selain Perdana Menteri dan isteri, majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan isteri; Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ir Mohd Zohadie Bardaie dan Pengerusi Sirim, Datuk Arifin Aton.

Dr Mahathir berkata, pelajar Bumiputera perlu sedar bahawa walaupun mereka meliputi sebahagian besar pelajar IPTA, tetapi jumlah pelajar bukan Bumiputera yang mendapat pendidikan tinggi jauh lebih ramai berbanding Bumiputera.

Katanya, sebahagian besar mereka mengikuti pengajian tinggi di universiti swasta atau universiti luar negara dan pencapaian sebahagian besar mereka adalah cemerlang.

Selepas menguasai ilmu yang meluas dan menyertai organisasi, katanya, pelajar bukan Bumiputera lebih cekap dalam menjalankan tugas dan menikmati lebih banyak kekayaan negara.

Sementara itu, Dr Zohadie ketika berucap pada majlis sama berkata, sistem pengurusan dan perkhidmatan pendidikan yang bermutu boleh dicapai jika pendidik dan pentadbir mempunyai kemahuan tinggi dan berusaha gigih.

Peningkatan pengurusan dalam bidang berkenaan bukan sahaja penting dalam melahirkan graduan serba boleh atau hasil penyelidikan yang inovatif, tetapi menjadi satu daripada unsur untuk mewujudkan perkhidmatan cemerlang.

Perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti tinggi juga akan menjadi persediaan kepada institusi pengajian tinggi tempatan untuk bersaing dengan universiti ternama di peringkat antarabangsa.

Dr Zohadie, berkata universiti itu bukan sahaja sentiasa peka kepada perkembangan semasa, tetapi juga sudah menyusun strategi untuk menghadapi era dunia tanpa sempadan dan ekonomi pengetahuan (K-ekonomi).

Katanya, dalam Perancangan Strategi 2001-2010, UPM bukan sahaja mahu muncul sebagai antara 10 universiti terbaik di Asia, tetapi juga bersama-sama menyumbang ke arah mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Antara lain, beliau berkata, UPM akan meningkatkan keupayaannya sebagai pusat pembelajaran dan penjaan ilmu dan teknologi pertanian.

Untuk itu, Dr Zohadie berkata, keseluruhan kampus UPM akan dijadikan taman ilmu dan teknologi pertanian bagi melahirkan suasana yang memberangsangkan bagi pengajaran dan pembelajaran disiplin pertanian.

"Matlamat untuk menjadi institusi ulung dalam pertanian dan bidang lain yang diperlukan untuk pembangunan negara ini boleh dicapai jika kita bermula dengan memberi perkhidmatan dan pengurusan yang berkualiti tinggi.

"Fakulti Kejuruteraan UPM membuktikan kecemerlangan perkhidmatan mereka kepada pelajar selepas menerima pengiktirafan ISO 9001 daripada Sirim tanpa mendapat laporan 'non-conformance' dalam audit pematuan.

"Fakulti Perubatan Veterinar juga menerima pensijilan yang sama dan beberapa bulan lepas, 'Surveillance Audit' yang dilakukan oleh Sirim membolehkan fakulti ini mengekalkan pengiktirafan ISO 9001.

"Ini membuktikan pengurusan pendidikan yang bermutu tinggi mampu dilaksanakan jika kita mempunyai kemahuan dan berusaha," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menyampaikan Sijil Sistem Kualiti MS ISO 9001 kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Fakulti Kejuruteraan adalah fakulti kedua di UPM yang menerima pensijilan kualiti daripada Sirim selepas Fakulti Perubatan Veterinar.

UPM sebagai institusi ilmu bermula sejak penubuhan Sekolah Pertanian pada 1931 dan sekolah berkenaan dinaikkan taraf sebagai Kolej Pertanian

Malaya pada 1947 dan dinaikkan taraf sebagai Universiti Pertanian Malaysia pada 1970.

(END)